

# 19

## *Pengajaran dan Pembelajaran Imbuhan Melalui Pendekatan Pembelajaran Aktif*

**Nurul Ariqafitri Jumari**

nurul\_ariqafitri@moe.edu.sg

**Maisarah Haron**


maisarah\_haron@moe.edu.sg

Sekolah Menengah Bartley

### *Abstrak*

Berdasarkan ujian diagnostik pelajar Menengah 3 Ekspres yang dijalankan, penggunaan awalan ber- dan apitan ber-...-an merupakan kelemahan ketara pelajar dalam penggunaan imbuhan. Hanya 38% pelajar yang berjaya menjawab soalan awalan ber- dan apitan ber-...-an. Oleh sebab itu, kertas kajian ini akan berkongsi tentang Pendekatan Pembelajaran Aktif untuk membantu pelajar mengatasi kelemahan dalam penggunaan awalan ber- dan apitan ber-...-an melalui aplikasi *Nearpod* dan *Google Docs*. Melalui Pendekatan Pembelajaran Aktif ini, pelajar didapati terlibat aktif dalam membina dan menambah pengetahuan mereka berkaitan awalan ber- dan apitan ber-...-an. Guru mendapati pelajar berupaya untuk menjelaskan makna imbuhan dalam konteks ayat yang diberikan. Tinjauan yang dijalankan pada akhir kelas mengesahkan hal ini. Kesemua pelajar menyatakan bahawa mereka kini yakin dengan penggunaan awalan ber- dan apitan ber-...-an.

Kata Kunci: Proses Pembelajaran Aktif, imbuhan, *Nearpod*, *Google Docs*



## PENGENALAN


Kebanyakan pelajar Bahasa Melayu telah menggunakan imbuhan dalam konteks perbualan mereka di rumah. Namun begitu, lazimnya, pelajar menggunakan imbuhan tanpa menyedari akan fungsinya yang sebenar. Oleh yang demikian, guru perlu mengajar pelajar tentang pengetahuan imbuhan secara eksplisit dan menitikberatkan hal ini dalam proses pembelajaran pelajar. Hal ini dilakukan agar pelajar dapat memahami fungsi imbuhan dan mengaplikasikannya di dalam pertuturan dan juga penulisan secara berkesan. Menurut Abdullah Hassan (2004), pengimbuhan merupakan proses menggandingkan imbuhan pada kata dasar untuk membentuk kata terbitan. Terdapat empat jenis imbuhan iaitu awalan, akhiran, apitan dan sisipan yang digunakan untuk membentuk kata nama, kata kerja, kata adjektif dan kata tugas.

Penggunaan Teknologi Komunikasi dan Maklumat (ICT) kini begitu pesat dalam kalangan pelajar. Oleh sebab itu pengajaran imbuhan yang berintegrasikan ICT mampu memancing minat pelajar untuk mempelajari fungsi imbuhan secara mendalam. Justeru, penggunaan ICT dapat mendorong pelajar untuk belajar secara aktif dan membolehkan mereka berkolaborasi dengan rakan mereka.

## PERNYATAAN MASALAH

Imbuhan merupakan salah satu aspek tatabahasa yang kompleks dalam pembelajaran bahasa Melayu. Penggunaan imbuhan yang tepat dapat menyumbang kepada keberkesanan dalam komunikasi dan pencapaian pelajar dalam peperiksaan. Hal ini membolehkan pelajar membina ayat-ayat yang gramatis dan menjawab soalan-soalan peperiksaan dengan tepat. Namun begitu, umumnya pelajar didapati mempunyai pengetahuan yang terbatas tentang fungsi imbuhan lantas menjejaskan pemahaman makna sesebuah perkataan berdasarkan konteks. Pembelajaran fungsi dan makna perkataan seringkali bergantung pada penerangan guru dalam pelajaran yang berpusatkan kepada guru.

Penelitian yang dijalankan oleh guru mendapati bahawa imbuhan yang seringkali disalahgunakan oleh pelajar ialah awalan ber- dan apitan ber-...-an. Pelajar kurang memahami fungsi serta maknanya dalam ayat dan tidak dapat membezakan penggunaannya dengan tepat. Justeru, guru memfokuskan kajian ini pada pengajaran awalan ber- dan apitan ber-...-an dengan menggunakan kaedah proses Pembelajaran Aktif.



## TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. meningkatkan keupayaan pelajar dalam menggunakan awalan ber- dan apitan ber-...-an dengan tepat dalam menjawab soalan A1 dalam komponen kertas 2, penulisan karangan dan e-mel; dan
2. membina pakej pengajaran '*Active Learning*' yang dapat meningkatkan tahap pemahaman dan penguasaan pelajar terhadap pembelajaran awalan ber- dan apitan ber-...-an.

## KAJIAN LEPAS

Sejauh ini, tidak ada definisi yang bersifat universal mengenai pembelajaran aktif. Menurut Michael Prince (2004), Pembelajaran Aktif atau *Active learning* umumnya didefinisikan sebagai kaedah pengajaran yang melibatkan pelajar secara aktif dalam proses pembelajaran. Pembelajaran aktif memerlukan pelajar melakukan aktiviti yang bermakna dan mencapai matlamat pembelajaran mereka.

Bonwell dan Eison (1991) mendapati bahawa pembelajaran aktif membantu dalam pembentukan sahsiah dan sikap yang positif dalam kalangan pelajar. Pembelajaran aktif juga meningkatkan kemahiran berfikir dan menulis pelajar. Felder (2000) pula menyarankan pembelajaran aktif sebagai satu kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dan boleh dilaksanakan.

Oleh yang demikian, Pengajaran Aktif boleh dianggap sebagai pendekatan pedagogi yang membolehkan pelajar mendalami bahan yang dipelajari melalui bacaan, penulisan, pertuturan, pendengaran dan juga dengan melakukan renungan. Selaras dengan tujuan ICT MP4, *Quality Learning in the Hands of Every Learner – Empowered with technology*, pembelajaran aktif sememangnya pendekatan yang sesuai demi mencapai tujuan tersebut.

Apakah pula manfaat pembelajaran aktif ini? Pertama, pembelajaran aktif berpusatkan pelajar dan setiap pelajar terlibat dalam proses pembelajaran. Penggunaan teknologi membolehkan hal ini berlaku. Contohnya, penggunaan perisian *Nearpod* dan *Google Docs* yang telah digunakan untuk mencapai matlamat pembelajaran di dalam kelas.




Kedua, pembelajaran aktif memastikan guru merancang pelajaran dengan teliti. Pembelajaran aktif bermula dengan guru menggunakan teknik yang mengaktifkan pembelajaran. Kemudian, guru memikirkan bagaimana pelajaran pada hari tersebut dapat menggalakkan pelajar berfikir dan juga berbincang tentang pengajaran yang ingin disampaikan. Guru boleh menggunakan kaedah penyoalan, sumbang saran dan sebagainya supaya proses pembelajaran menjadi suatu pengalaman yang melibatkan pelajar secara keseluruhan. Pelajar diberikan tanggungjawab dalam proses pembelajaran tersebut. Pada akhir perbincangan, pelajar diberikan tugas yang dapat menunjukkan pembelajaran yang berlaku. Proses ini juga bertindak sebagai penilaian memantau sejauh mana pelajar telah memahami pelajaran dan kemudian, guru perlu memberikan maklum balas untuk melengkapkan proses pembelajaran tersebut. Menurut John Hattie (2012), pembelajaran pelajar perlu didemonstrasikan supaya guru dapat memantau pembelajaran mereka dan sekaligus mengukur sejauh mana impak terhadap pengajaran mereka. Dengan melakukan hal ini, pastinya prestasi pelajar akan meningkat. Jelaslah di sini manfaat pembelajaran aktif yang memastikan pelajar dan proses pembelajaran menjadi fokus dalam kelas.

Ketiga, pembelajaran aktif yang berteraskan teknologi memastikan setiap pelajar diberikan peluang 'bersuara' di dalam kelas. Dalam kelas yang berteraskan penggunaan bahan elektronik, setiap pelajar dipertanggungjawabkan untuk memberikan sumbangan. Lantas, tiada seorang pelajar pun yang ketinggalan. Pelibatan semua pelajar menjadi suatu kemestian. *Nearpod* dan *Google Docs* merupakan antara aplikasi yang dapat merealisasikan matlamat ICT MP4. Teknologi ini mampu mengumpul jawapan dan dapatan pelajar dalam masa yang singkat dan teratur. Mudah bagi guru memantau pembelajaran yang tertera di skrin. Guru boleh memberikan maklum balas secara langsung di dalam kelas.

Menurut kertas kerja PNAS (2013), pembelajaran aktif telah meningkatkan prestasi pelajar dalam peperiksaan. Kadar kegagalan dalam kalangan pelajar yang melalui proses pembelajaran secara tradisional pula telah meningkat sebanyak 55% berbanding dengan para pelajar yang melalui proses pembelajaran aktif. Analisis yang dibuat telah menyokong teori yang menggalakkan penambahan proses pembelajaran aktif bagi para mahasiswa sarjana STEM. Kertas kerja ini merangkumi lebih daripada 200 kajian berkenaan dengan pembelajaran aktif. Ternyata, keberkesanan pembelajaran aktif tidak dapat dinafikan lagi.

Menurut Pisapa (1994), integrasi ICT dalam proses pengajaran merujuk



kepada penggunaan teknologi dalam pembelajaran untuk menggalakkan, mengukuhkan dan meningkatkan kemahiran. Oleh yang demikian, penggunaan ICT bersertakan pedagogi yang berkesan memainkan peranan untuk membantu pelajar menjadi lebih kritis dalam membina pengetahuan mereka berdasarkan pengetahuan sedia ada. Tambahan pula, pendekatan pembelajaran aktif membantu membina daya pemikiran yang kritis dalam kalangan pelajar. Berlandaskan teori konstruktivisme sosial yang diperkenalkan oleh Vygotsky, Dewey dan Bruner (1958), kebolehan pelajar menggarap konsep dan belajar secara berkesan berlaku apabila pelajar membina sendiri pengetahuan atau konsep secara aktif berdasarkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada.


Berhubung dengan hal ini, Sanisah Rahim dan Nuraishah Mahmood (2017) telah menjalankan kajian pengajaran imbuhan melalui penggunaan aplikasi *Nearpod*. Kaedah yang diterapkan ialah pengajaran ekplisit untuk menilai keberkesanan *Nearpod* dalam meningkatkan tahap pemahaman dan penguasaan murid terhadap pelajaran imbuhan. Dalam kajian ini, *Nearpod* juga bertindak sebagai alat penilaian formatif. Asiyah Sheik Mohamed Ismail dan Khaziah Yem (2017) juga telah menggunakan perisian *Nearpod* untuk merealisasikan penilaian formatif. Antara objektif yang ingin dicapai ialah pelajar perlu tahu akan fungsi-fungsi imbuhan dan menggunakannya. Hasilnya, pelajar yakin menggunakan imbuhan awalan ber- dan dapat mengenal pasti fungsinya.

## KAEDAH KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah Kajian Pengajaran atau *Lesson Study*. Sekumpulan guru bahasa Melayu yang terdiri daripada lima orang guru telah dibentuk untuk meneliti aspek pengajaran yang berkesan di bilik darjah. Kumpulan guru ini telah menetapkan aspek pengajaran imbuhan sebagai perkara yang perlu diberikan perhatian bagi meningkatkan aspek pembelajaran pelajar.

## Subjek

Pelajar yang terlibat dalam kajian terdiri daripada 15 pelajar Menengah 3 aliran Ekspres. Profil pelajar-pelajar ini agak rencam. Terdapat segelintir pelajar yang mahir dalam penggunaan bahasa dan ada juga yang kurang fasih berbahasa Melayu. Kebanyakan daripada para pelajar ini menggunakan imbuhan dalam pertuturan tanpa memahami fungsinya, dan penggunaan imbuhan yang betul.



## Instrumen Kajian

Langkah pertama yang diambil adalah menjalankan ujian diagnostik. Ujian ini bertujuan untuk mengenal pasti imbuhan yang perlu diberikan fokus. Setelah mengenal pasti awalan ber- dan apitan ber-...-an sebagai fokus, barulah proses merancang pengajaran dimulakan. Bagi mengukur keberkesanan kajian secara eksplisit, borang pemantauan dalam talian telah disediakan. Borang ini telah dibina dengan tujuan untuk mengesan kemahiran pelajar dan perkembangan pembelajaran termasuklah memahami sikap, pemikiran dan perasaan pelajar terhadap bahan pelajaran supaya guru lebih sensitif terhadap keperluan pelajar.

Borang pemantauan ini digunakan sebelum pengajaran dan sesudah pengajaran untuk mengesan pengalaman pembelajaran pelajar setelah menjalani pengajaran. Respons pelajar dapat memberikan gambaran keseluruhan tentang pembelajaran pelajar sepanjang kelas dan impak kelas tersebut terhadap pembelajaran pelajar.


Selain borang pemantauan dan ujian diagnostik, para anggota kumpulan kajian juga telah merakamkan respons pelajar sepanjang pengajaran. Setiap kumpulan pelajar dipantau seorang guru pemerhati bagi tujuan mendokumentasikan setiap perkara yang diujarkan oleh pelajar. Data ini amat penting bagi memantau penerimaan pelajar terhadap proses pembelajaran yang dilaluinya.

## Prosedur Kajian

Kaedah menggunakan kajian pengajaran ini melibatkan empat langkah utama iaitu merancang, melakukan, menyemak dan bertindak. Langkah-langkah ini perlu dijalankan secara berterusan dan boleh terdiri daripada beberapa kitaran pembelajaran hinggalah rancangan pengajaran yang padat dapat dihasilkan.

### Langkah 1 – Merancang

Pada peringkat awalnya, aplikasi *Nearpod* telah menjadi pilihan utama bagi mengajarkan tentang penggunaan serta fungsi imbuhan seperti kajian-kajian yang lepas. Nota imbuhan dan aktiviti-aktiviti yang boleh dijalankan melalui *Nearpod* telah dihasilkan. Proses pengajaran dibahagikan kepada tiga bahagian: penggunaan imbuhan dengan tepat, mengenal pasti fungsi imbuhan dan yang terakhir, mengesan penggunaan imbuhan yang kurang tepat.



## Langkah 2 – Melakukan / Melaksanakan

Setelah proses perancangan selesai, pengajaran pun dijalankan. Secara keseluruhan, kelas berjalan dengan lancar dan para pelajar berminat dengan pendekatan pengajaran yang memerlukan respons pelajar dalam setiap peringkat. Pelajar berpeluang mengukur kemahiran masing-masing kerana maklum balas diberikan secara langsung di dalam kelas. Hal ini membolehkan pelajar menanyakan soalan dan memberikan respons terhadap proses pembelajaran masing-masing. Guru-guru juga berasa puas hati kerana dapat memantau dan menilai pembelajaran pelajar dengan mudah melalui penggunaan *Nearpod*.

## Langkah 3 – Menyemak dan melakukan refleksi

Apabila proses pengajaran dan pembelajaran disemak dan diteliti semula, terdapat beberapa persoalan yang timbul. Dalam proses pembelajaran aktif, pelajar diperlukan berbincang dan bertutur. Didapati bahawa dalam aktiviti pengajaran yang berteraskan *Nearpod*, peluang bagi pelajar berbincang dan bertutur agak terhad. Selain itu, proses ketiga dalam pembelajaran aktif, menunjukkan pembelajaran juga didapati agak terhad. Pelajar didapati berupaya memilih jawapan yang tepat tanpa menggambarkan pemikiran di sebalik jawapan-jawapan yang dipilih. Proses pembelajaran pelajar sebenarnya tidak dapat dikesan. Hal ini didapati tidak memberikan gambaran yang nyata tentang proses pembelajaran itu sendiri.

Oleh sebab itu, para pengkaji perlu meneliti semula dan memikirkan kembali tentang proses pembelajaran aktif itu dan mengaitkannya kembali dengan pakej yang telah disediakan dari sudut pelajar berdasarkan pemerhatian yang telah dibuat. Walaupun pelajar telah menunjukkan yang mereka dapat memilih jawapan yang tepat, guru masih belum boleh menilai sama ada pelajar benar-benar memahami fungsi imbuhan atau sekadar memberikan jawapan secara rambang.

Satu lagi perkara yang timbul adalah, dalam keghairahan menggunakan *Nearpod*, aspek mencungkil dan mengenal pasti pembelajaran pelajar itu mungkin telah dipinggirkan. Perkara ini sememangnya perlu dititikberatkan kerana teknologi itu berperanan membantu merealisasikan pembelajaran aktif. Pendekatan dan teknik pengajaran perlu dibincangkan terlebih dahulu sebelum memilih jenis



teknologi yang ingin digunakan untuk mencapai matlamat pengajaran.

Hasil proses menyemak ini telah mengembangkan lagi teknik-teknik yang digunakan bagi pengajaran imbuhan. Dalam perancangan pengajaran yang selanjutnya, aspek yang membolehkan pemikiran pelajar dikesan diberikan keutamaan supaya proses pemantauan keberkesanan pengajaran dapat diteliti secara terperinci.

Proses berfikir ini penting dalam pembelajaran aktif dan perlu dijalankan secara eksplisit dan bukan sekadar menyemak ketepatan jawapan pelajar tetapi juga menilai proses pemikiran pelajar sepanjang proses pembelajaran di kelas. Proses berfikir juga mempromosikan pembelajaran secara mendalam atau *Deep Learning*, seperti yang diterangkan Ron Ritchhart, Mark Church dan Karin Morrison (2011) dalam tukilan berikut:


*“Surface learning focuses on memorisation of knowledge and facts, often through rote practices, whereas deep learning has a focus on developing understanding through more active and constructive processes.”*

Guru mendapati bahawa pakej pelajaran yang tercipta masih belum membolehkan pelajar mendalami pemahaman mereka kerana penilaian yang dijalankan tidak dapat menggambarkan proses pemikiran dan pemahaman pelajar terhadap imbuhan yang dipelajari.

#### Langkah 4 – Bertindak

Setelah berbincang, beberapa perubahan telah dilakukan kepada pakej pengajaran yang asal. Kali ini strategi-strategi berfikir yang tertentu telah digunakan supaya proses pembelajaran yang lebih mendalam berlaku dalam kalangan pelajar.

Penggunaan strategi rutin berfikir Menjadikan Pemikiran Jelas yang diusulkan Ron Ritchhart, Mark Church dan Karin Morrison (2011), Kaitkan-Luaskan-Cabar atau *Connect-Extend-Challenge* didapati sesuai bagi mencapai matlamat pengajaran. Strategi ini telah diterapkan dalam pengajaran kerana mampu mencungkil dan membongkar pemikiran serta pemahaman pelajar ketika menjalani proses pembelajaran. Dalam proses ini, para pelajar diberikan artikel






sebagai bahan pembelajaran. Penggunaan bahan autentik yang digunakan membantu membina pemahaman yang lebih mendalam dalam kalangan pelajar.

1. *Persediaan (Set-up)* – Sebelum membaca, guru menerangkan tujuan membaca. Pelajar perlu membaca dan menyenaraikan perkataan-perkataan yang berimbuhan awalan ber.. dan apitan ber..an.
2. *Kaitkan (Connect)* – Selepas membaca dan menyenaraikan perkataan, guru akan menanyakan beberapa soalan seperti berikut:
  - Apakah perkara yang sudah awak tahu tentang perkataan-perkataan ini dan penggunaan awalan ber.. dan apitan ber..an?
  - Bolehkah awak menyatakan fungsi-fungsi imbuhan tersebut berdasarkan penggunaannya?

Soalan-soalan ini dapat membantu pelajar membuat kaitan antara pengetahuan sedia ada dan juga mengenal pasti perkara-perkara yang mereka belum tahu.

3. *Luaskan (Extend)* – Kini, pelajar perlu memilih satu perkataan daripada senarai yang mereka siapkan dan kemudian mencari makna perkataan tersebut. Dengan menggunakan nota dan definisi perkataan tersebut, pelajar perlu mengenal pasti fungsi imbuhan itu. Di sini, pelajar mengukuhkan pemahaman mereka dan kemudian membina perkataan yang baharu. Guru akan memandu pelajar dalam proses pemikiran dan pemahaman mereka dengan menanyakan soalan-soalan yang terancang.
4. *Cabar (Challenge)* – Dalam peringkat ini, pelajar dianggap sudah mendalami pemahaman mereka. Untuk menguji sama ada pemahaman mereka itu tepat dan jelas, guru kemudian memberikan pelajar perenggan yang mengandungi penggunaan awalan ber.. dan apitan ber..an yang salah. Pelajar perlu membetulkan kesalahan tersebut. Aktiviti ini telah dilaksanakan dalam pusingan pertama tetapi pelajar sekadar mengenal pasti penggunaan yang kurang tepat melalui *Nearpod*. Kali ini, mereka perlu menerangkan mengapa penggunaan itu tidak tepat secara terperinci berdasarkan pembelajaran yang diraih. Aktiviti ini dijalankan dengan menggunakan *Google Docs*. Setiap kumpulan kemudian diberikan peluang membentangkan dapatan



mereka masing-masing.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN


Berdasarkan pemerhatian guru dan respons pelajar, didapati bahawa penggunaan ICT secara terancang dan sesuai berjaya meningkatkan pemahaman dan penguasaan pelajar terhadap penggunaan awalan *ber-* dan apitan *ber-...-an*. Penggunaan aplikasi *Nearpod* (pada pengajaran yang pertama) dan *Kahoot* dan *padlet* (pada pengajaran yang kedua) telah berjaya menarik minat pelajar. Pelajar juga didapati telah menunjukkan reaksi yang positif terhadap pakej pengajaran *Active Learning* mengenai awalan *ber-* dan apitan *ber-...an*.

Semasa aktiviti berkumpulan dijalankan, pelajar dilihat lebih vokal dan terlibat secara aktif dalam perbincangan untuk menyelesaikan tugas yang diberi. Pelajar seringkali didapati merujuk kamus dalam talian dan nota yang diberi untuk mengenal pasti fungsi awalan *ber-* dan apitan *ber-...an*. Proses ini dilihat sebagai satu proses yang penting kerana secara tidak langsung ia juga dapat meningkatkan motivasi pelajar dan menggalakkan pembelajaran secara sendiri.

Selanjutnya, dalam sesi aktiviti pembentangan, penggunaan ICT dilihat telah dapat membantu pelajar dalam mengembangkan dan menjelaskan pemikiran mereka serta mengukuhkan pemahaman mereka tentang topik pengajaran guru. Dalam masa yang sama, guru berkesempatan dalam menggunakan peluang yang ada untuk meninjau sejauh manakah kemampuan kumpulan pelajar yang lemah dalam menguasai kemahiran dan pengetahuan tentang topik pengajaran. Yang menarik perhatian pemerhati ialah guru berjaya menggunakan kesempatan tersebut untuk memberikan penjelasan kepada para pelajar tersebut dengan lebih lanjut.

Seterusnya, menerusi latihan menulis, iaitu aktiviti menganalisis kesilapan, pelajar kelihatan berhasil menunjukkan peningkatan pemahaman yang memberangsangkan. Berdasarkan teks yang diberikan, kebanyakan mereka mampu mengenal pasti penggunaan imbuhan yang tepat di samping mengaitkan fungsinya secara kontekstual dalam ayat.

Dapatan kajian yang menunjukkan bahawa prestasi dan keyakinan pelajar menunjukkan kemajuan yang memberangsangkan adalah seperti yang berikut. Darpada hanya 27 % pelajar yang pada awalnya menunjukkan rasa kurang yakin



terhadap penggunaan awalan *ber-* dan apitan *ber...an*, kini 100 % pelajar yakin dengan penggunaan awalan *ber-* dan apitan *ber...an*. Malah, mereka mampu untuk membina ayat yang menunjukkan maksud yang tepat untuk awalan *ber...* dan apitan *ber...-an*. Hal ini menunjukkan bahawa melalui pembelajaran aktif, mereka mampu menerangkan maksud dan fungsi awalan *ber-* dan apitan *ber...an* mengikut penggunaannya dalam konteks ayat dengan lebih yakin.

Bertitik tolak daripada penggunaan ICT dalam pengajaran awalan *ber-* dan apitan *ber...-an* ini, pemerhati mendapati bahawa guru mengalami sedikit cabaran semasa melaksanakan pakej pengajaran. Disebabkan masalah teknikal, sedikit kekejutan telah berlaku semasa berlangsungnya pengajaran yang menggunakan peranti ICT ini. Sungguhpun demikian, guru berjaya mengatasi masalah dan kekejutan tersebut dengan segera tanpa menjejaskan pengajaran secara total.

Pada keseluruhannya, berdasarkan maklum balas dan penelitian, didapati terdapat beberapa perkara yang boleh diperbaiki oleh guru. Pertama ialah cara pemilihan artikel atau teks. Pada pandangan pemerhati, pemilihan artikel seharusnya seimbang dan tujuan memberikan artikel yang berbeza kepada kumpulan pelajar yang berbeza perlu dijelaskan kepada para pelajar.

Kedua, pemilihan teks yang mengandungi beberapa patah perkataan yang boleh menimbulkan kekeliruan seharusnya dielakkan. Contohnya penggunaan perkataan '*bertumit*' yang mengelirukan pemahaman pelajar.

Bagi membantu proses pengajaran yang berkesan, aktiviti perbincangan dilakukan secara '*modelling*'. Guru boleh memberikan pelajar satu petikan yang sama untuk menjelaskan tugas yang perlu mereka lakukan. Setelah jelas apa dan bagaimana melakukan aktiviti yang diperlukan, guru boleh memberikan setiap kumpulan teks yang berbeza dan kemudian meminta setiap kumpulan menyelesaikan tugas yang sama. Dengan cara ini, pelajar akan lebih mahir untuk melakukan tugas yang diberi dengan lebih baik lagi.

## KESIMPULAN

Pakej pengajaran Pembelajaran Aktif dalam pengajaran imbuhan telah disediakan secara terancang. Pada keseluruhannya, penggunaannya dalam pengajaran bilik darjah adalah jelas dan menyeronokkan. Secara tidak langsung, pakej ini



telah membantu pelajar mempertingkatkan pemahaman dan keupayaan mereka dalam memahami fungsi dan penggunaan awalan *ber-* dan apitan *ber..an* secara kontekstual. Dengan pendedahan yang lebih luas dan berterusan menggunakan aplikasi ICT dalam pengajaran bahasa, tentunya ia akan menjadi pemangkin kepada guru dalam usaha mempersiapkan para pelajar untuk lebih yakin dalam menjawab soalan A1 kertas peperiksaan peringkat nasional ataupun dalam penulisan karangan dan e-mel. Di samping itu, penggunaan aplikasi ICT seperti sebagai alat bantu pengajaran dan pembelajaran juga akan terus membantu guru dalam menjadikan pengajaran bahasa Melayu secara keseluruhannya menjadi lebih bermakna.

Guru yang turut terlibat dalam kajian ini:

1. Suriani Khailani
2. Nazerana Mohamed Syed
3. Farshad Chand Feroz

## RUJUKAN

Abdullah Hassan (2004). *Tatabahasa Bahasa Melayu (morfologi dan sintaksis)*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributions Sdn Bhd.


Bonwell, C.C., dan J. A. Eison. (1991). "Active Learning: Creating Excitement in the Classroom," *ASHEERIC Higher Education Report No. 1*, George Washington University, Washington, DC.

Dewey, J. (1958). *Experience and nature*. New York: Dover Publications.

Felder, R., D. Woods, J. Stice, dan A. Rugarcia. (2000). "The Future of Engineering Education: II. Teaching Methods that Work," *Chemical Engineering Education*, Vol. 34, No. 1, 2000, pp. 26–39.

Pisapa, L. (1994). *Integrating technology into teaching and learning*. Singapore: Prentice Hall.

Ron Ritchhart, Mark Church dan Karin Morrison. (2011). *Making thinking visible: How to promote engagement, understanding and independence for all learners*" Jossey Bass, San Francisco, CA.



Seminar Bahasa Melayu (2017). Menyempurnakan kata menyampaikan makna. Pusat Bahasa Melayu Singapura, Akademi Guru Singapura, Kementerian Pendidikan Singapura: Oxford Graphic.

Seminar Bahasa Melayu (2012). Kecekapan Berbahasa Dan Penghayatan Nilai Dalam Pendidikan Abad ke-21. Pusat Bahasa Melayu Singapura, Akademi Guru Singapura, Kementerian Pendidikan Singapura: Oxford Graphic.

John Hattie (2012). "Visible Learning For Teachers: Maximising Impact on Learning" Routledge

Michael Prince. (2004) Does Active Learning Work? A review of the research. *Journal of Engeneering Education*, 93 (3). Ditukil pada 17 Jan 2018 daripada: [http://www4.ncsu.edu/unity/lockers/users/f/felder/public/Papers/Prince\\_AL.pdf](http://www4.ncsu.edu/unity/lockers/users/f/felder/public/Papers/Prince_AL.pdf)

Naim Daipi. (1991) Pendekatan Komunikatif Dalam Pengajaran Imbuhan *Sekata*, 9(2), 35-38. The Malay Language Council daripada <https://repository.nie.edu.sg/bitstream/10497/18304/1/Sekata-9-2-35.pdf>

Scott Freeman. (2003) Active learning increases student performance in science, engineering, and mathematics. Vol 111 No. 23. Proceedings of The National Academy of Sciences of the United States of America daripada <http://www.pnas.org/content/111/23/8410.full#ref-list-1>

